

15 JAN 1999  
Nik Aziz-Kelantan  
PAS YAKIN PERTAHANAN KELANTAN

KOTA BAHARU, 15 Jan (Bernama) -- PAS yakin dapat mempertahankan pemerintahan kerajaan Kelantan walaupun Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata semalam bahawa Barisan Nasional mempunyai "rahsia tersendiri" untuk menawan negeri itu pada pilihan raya akan datang.

Menteri Besar Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat berkata keyakinan itu berdasarkan kepada penerimaan rakyat terhadap pemerintahan Islam yang dilaksanakan oleh PAS sejak parti itu memerintah Kelantan 1990.

"Saya yakin dapat kekalkan kerajaan di Kelantan memandangkan kepada contoh yang telah kami tunjuk ini tidak serupa dengan kempen mengenai perjuangan Islam yang ekstrim, menimbulkan huru hara dan berbalah antara orang Islam dengan bukan Islam," katanya kepada pemberita selepas memberikan kuliah agama di sini hari ini.

Nik Aziz yang juga Mursyid Am berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri di sini semalam bahawa BN boleh merampas semula Kelantan daripada PAS berdasarkan kepada penerimaan beberapa tindakan yang diambil oleh BN.

Nik Aziz berkata PAS telah menunjukkan sistem pemerintahan yang boleh diterima oleh semua pihak tanpa mengira kaum dan agama, malah ia diterima oleh orang UMNO dan BN.

Beliau berkata, lawatan Perdana Menteri ke Kota Darulnaim di sini dan menemuinya semalam merupakan petanda baik untuk PAS mencatat sejarah mengekalkan kemenangan untuk penggal ketiga.

"Lawatan itu juga menandakan penerimaan kerajaan pusat terhadap pentadbiran kerajaan Kelantan," katanya.

Nik Aziz berkata UMNO pula perlu berhadapan dengan suasana yang tidak harmoni di kalangan anggotanya sendiri yang sentiasa berebut-rebut untuk mendapat tempat dan kedudukan.

"Sistem pemerintahan UMNO dan BN yang mementingkan kumpulan-kumpulan tertentu juga menyebabkan keyakinan rakyat terhadap parti itu terhakis," katanya.

Ketika ditanya hasil pertemuannya dengan Dr Mahathir semalam, beliau berkata perbincangan tertumpu kepada perkara yang membabitkan kebahagiaan hidup rakyat Kelantan.

-- BERNAMA  
MNR MAI